

BAB III

PENYELIAAN PILIHANRAYA

Sistem Pilihanraya di Malaysia adalah berasal daripada sistem 'First Past the Post'. Perkara-perkara yang berkaitan dengan pilihanraya disebutkan di dalam Perlembagaan Persekutuan.¹⁰

Menurut Perkara 113, kerja perjalanan Suruhanjaya dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.¹¹ Ini menunjukkan Suruhanjaya Pilihanraya memainkan peranan yang penting dalam sistem pilihanraya di Malaysia.

Kepentingan Suruhanjaya

Sesuai sistem pilihanraya yang berjaya ialah sistem yang dapat dijalankan dengan lancar dan licin. Untuk menjalankan pilihanraya yang licin pula memerlukan satu jentera atau badan mengelolakan yang cekap. Kadang-kadang kejayaan sesuatu sistem pilihanraya yang diadakan itu bergantung kepada kecekapan badan yang menyeliaikannya. Tegaknya kecekapan badan yang menyeliaikan boleh mengatasi kerumitan-kerumitan yang timbul supaya tidak timbul kekeliruan.¹²

¹⁰ Malaysia, Perlembagaan Persekutuan, Pencetak Kerajaan, Kuala Lumpur 1972.

¹¹ Ibid., Perkara 113.

¹² Mackenzie, W.J.M., Free Election, George Allen and Unwin Ltd., London, 1967, m.s. 99.

Badan yang mengelolakan ini pula hendaklah satu badan yang bebas. Jika kerajaan yang mengikpt badan ini, maka ada kemungkinan badan ini akan digunakan untuk kepentingan orang yang berkenaan. Ada beberapa contoh dimana ada kerajaan yang menggunakan pilihanraya untuk kepentingannya sendiri.¹³

Sesuatunya Suruhanjaya yang ditubuhkan itu bertanggungjawab sepenuhnya pada pilihanraya yang diadakan, umpamanya ialah dalam aspek mentadbir dan menguruskan pilihanraya, dan lain-lain lagi.

Di Malaysia untuk menentukan pilihanraya, berjalan dengan lancar, dalam Perlembagaan diperuntukan penubuhan Suruhanjaya Pilihanraya. Perkara 113 hingga 120 Perlembagaan adalah menetapkan perinsip-perinsip perjalanan pilihanraya.¹⁴ Oleh yang demikian Suruhanjaya Pilihanraya adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi menjalankan pilihanraya bagi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri. Suruhanjaya Pilihanraya juga menjalankan pilihanraya-pilihanraya selain daripada pilihanraya Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri apabila dikehendaki oleh Undang-undang Persekutuan atau Negeri.

Keanggotaan dan Organisasi Suruhanjaya Pilihanraya

Perkara-perkara yang berkaitan dengan keanggotaan dan

¹³ Ibid., m.s. 100.

¹⁴ Perkara 113 - 120.

organisasi Suruhanjaya Pilihanraya ada disebut dalam beberapa perundangan seperti, Perlembagaan Persekutuan, Akta Pilihanraya 1958, Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957, dan lain-lain lagi.

Menurut Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya Pilihanraya adalah dilantik oleh Yang Di Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-raja. Suruhanjaya ini mengandungi seorang Pengerusi dan tiga orang ahli-ahli sewaktu melantik ahli-ahli Suruhanjaya ini, Yang Di Pertuan Agong perlu memandang terhadap satu Suruhanjaya Pilihanraya yang mendapat kepercayaan awam. Ini mungkin untuk mengelakan daripada Suruhanjaya itu digunakan oleh mana-mana pihak.

Seseorang ahli Suruhanjaya adalah terhenti daripada memegang jawatan apabila mencapai umur enam puluh lima tahun atau hilang kelayakan jika ianya seorang bankrap atau bertugas dalam apa-apa jawatan (atau pekerjaan bergaji luar daripada kewajipan jawatannya) atau seorang ahli mana-mana Majlis Parlimen (atau Dewan Negeri). Selain daripada itu mana-mana ahli Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan mengutus surat kepada Yang Di Pertuan Agong.

Untuk menjamin 'kebebasan' Suruhanjaya Pilihanraya, Perlembagaan menetapkan bahawa seseorang ahli Suruhanjaya tidak boleh dipecat daripada jawatannya, kecuali dengan cara yang sama seperti seorang Hakim Mahkamah Persekutuan.¹⁵

¹⁵ Ibid., Perkara 114(3).

Selain daripada itu ada undang-undang yang dibuat oleh Parlimen yang memperuntukan saraan bagi ahli-ahli Suruhanjaya. Saraan ini adalah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Disatukan. Undang-undang yang dibuat di bawah Pasal (5) Perkara 114 Perlembagaan Persokutuan ini disebut sebagai Akta Suruhanjaya Pilihanraya.¹⁶ Lain-lain perkara yang disebut adalah berkaitan dengan syarat-syarat jawatan ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya.

Sebagaimana yang telah disebutkan bahawa gaji ahli Suruhanjaya adalah dikenakan sebagai tanggungan kepada Kumpulan Wang Disatukan. Ini adalah untuk memastikan bahawa Suruhanjaya tidak ditekan oleh mana-mana pihak. Parlimen juga tidak dapat mempengaruhi secara mengurangkan peruntukan kewangan bagi pembayaran gaji dan elaun ahli-ahli, sekiranya Suruhanjaya Pilihanraya tidak tunduk kepada kehendak mereka.¹⁷

Selain daripada itu Setiausaha kepada Suruhanjaya Pilihanraya adalah seorang pegawai kerajaan yang bertugas sepenuh masa. Setiausaha adalah bertanggungjawab dalam semua perkara pentadbiran dan pelaksanaan tugas-tugas Suruhanjaya Pilihanraya.¹⁸

¹⁶ Undang-undang Malaysia, Akta 31, Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1967, (disemak 1970).

¹⁷ Malaysia (Suruhanjaya Pilihanraya), Panduan Khas Pendaftaran dan Pilihanraya, Kuala Lumpur, 1973, m.s. 2.

¹⁸ Ibid., m.s. 2.

Perlu juga dinyatakan bahawa ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya mendapat beberapa keistimewaan dan perlindungan seperti diperuntukan dalam Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957. Antaranya menurut Seksyen 6 Akta ini, tiap-tiap seorang ahli Suruhanjaya Pilihanraya adalah diberikan perlindungan dan keistimewaan dalam sesuatu tindakan atau guaman yang diambil ke atasnya, kerana apa-apa perbuatan yang dilakukannya semasa bertindak melaksanakan jawatannya (sama seperti yang diberi oleh undang-undang kepada seorang majistret semasa bertindak dalam melaksanakan tugasnya). Seksyen 8 Akta ini, pula memperuntukan, sesiapa yang disabitkan memberi maklumat palsu kepada Suruhanjaya boleh didenda tidak lebih daripada \$20,000 atau tempuh tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya.

Sesiapa yang mempengaruhi atau cuba mempengaruhi Suruhanjaya juga dianggap sebagai melakukan satu kesalahan (Seksyen 10).

Suruhanjaya boleh mengambil bekerja beberapa orang mengikut apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan olehnya dengan persetujuan Yang Di Pertuan Agong.¹⁹ Dalam melaksanakan tugasnya Suruhanjaya boleh meminta bantuan semua pihak berkuasa awam.²⁰ Dalam menjalankan tugasnya bagi membuat syur-syur untuk mempersempadankan bahagian

¹⁹ Perlembagaan Persekutuan, Perkara 115(1).

²⁰ Ibid., Perkara 115(2).

bahagian pilihanraya, Suruhanjaya boleh meminta nasihat daripada dua orang pegawai kerajaan Persekutuan yang ada pengetahuan khas mengenai topografi dan taburan penduduk.²¹ Kemudahan ini diadakan supaya Suruhanjaya Pilihanraya boleh menjalankan tugasnya dengan licin dan sempurna.

Apabila membantu Suruhanjaya, pegawai-pegawai kerajaan negeri atau Persekutuan adalah dibayar 'saguhati' dan mereka mendapat perintah daripada Suruhanjaya, bukan daripada kerajaan yang berkenaan.²²

Jabatan Suruhanjaya Pilihanraya

Jabatan Suruhanjaya Pilihanraya adalah sebagai sekretariat kepada Suruhanjaya Pilihanraya dan diketuai oleh Setiausaha. Jabatan ini bertanggungjawab kepada Suruhanjaya Pilihanraya dalam semua perkara-perkara dasar pilihanraya. Mengenai perkara-perkara pentadbiran, Jabatan ini bertanggungjawab kepada kerajaan. Jabatan Suruhanjaya Pilihanraya mempunyai Pejabat Pilihanraya di tiap-tiap buah negeri di Malaysia untuk memulakan semua hal-hal pentadbiran dan sebagainya. Pejabat diperingkat negeri adalah diketuai oleh Penyelia Pilihanraya Negeri yang bertanggungjawab penuh kepada Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia.


²¹ Ibid., Perkara 115(2).

²² Tun Suffian b. Hashim, An Introduction to the Constitution of Malaysia, Pencetak Kerajaan, Kuala Lumpur, 1972, m.s. 68.

Rajah berikut menunjukkan organisasi Suruhanjaya Pilihanraya.

RAJAH I

Organisasi Suruhanjaya Pilihanraya



Punca: (Suruhanjaya Pilihanraya), Panduan Khas Pendaftaran dan Pilihanraya, Kuala Lumpur, 1973, m.s. 3.

Setiausaha, Timbalan Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha dan Penyelia Pilihanraya bertempat di ibu pejabat Jabatan Suruhanjaya Pilihanraya yang pada masa ini terletak di Jalan Clark, Kuala Lumpur.

Setiausaha adalah pusat dan nadi aktiviti-aktiviti pilihanraya. Ia melaksanakan keputusan Suruhanjaya dan mengendalikan pentadbiran hari-hari. Ia juga sebagai Ketua Pejabat, pegawai yang mengawal peruntukan, mengeluarkan peraturan dan perintah sesuai dengan keputusan Suruhanjaya Pilihanraya.²³ Padanya terletak tugas berkenaan dengan perancangan dan kemajuan operational pentadbiran pilihanraya Parlimen, Negeri dan Majlis Tempatan, pendaftaran pengundi, mengulangkaji bahagian pilihanraya Parlimen, Negeri dan Majlis Tempatan. Ia juga mesti melaporkan kepada Yang Di Pertuan Agong keputusan pilihanraya umum dan Raja atau Gabenor berhubung dengan pilihanraya Negeri dan membabitkan Dewan Rakyat dan Dewan Negeri keputusan pilihanraya kecil dari masa kesemasa.²⁴

Di bawah Setiausaha terdapat Timbalan Setiausaha yang mengkoordinasikan tugas-tugas yang dijalankan oleh Penolong-penolong Setiausaha. Ia membantu kepada Setiausaha, kemudian terdapat Penolong-penolong Setiausaha yang dipertanggungjawabkan dengan beberapa tugas.

²³ Malaysia (Suruhanjaya Pilihanraya), Peranan Susunan dan Perjawatan Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, 1973, m.s. 2.

²⁴ Ibid., m.s. 16.

Ada yang bertugas dalam urusan yang berhubung dengan pentadbiran
pejabat, seorang lagi bertanggungjawab dalam penyelenggaraan
daftar pemilih. Lain daripadanya bertugas dalam urusan penyelidikan
dan pendaftaran pengundi.²⁵

Sebagai dengan pejabat-pejabat yang lain, di pejabat
ini terdapat kakitangan yang lain seperti kerani, kerani khas pilihanraya
dan lain-lain yang membantu urusan-urusan pejabat yang berkaitan
dengan pilihanraya.

Selain daripada itu menurut organisasi Suruhanjaya
Pilihanraya terdapat Penyelia Pilihanraya dan Timbalan Penyelia
Pilihanraya di peringkat tiap-tiap negeri. Lantikan mereka ini di-
buat oleh Suruhanjaya menurut peruntukan di bawah Akta Pilihanraya,
1958 (disonak 1970) (Seksyen 3).

Semua penyelia adalah bertanggungjawab kepada Setiausaha.
Ia membantu Suruhanjaya dalam memilih dan melantik Pegawai Pengurus,
Penolong Pegawai Pengurus, Ketua tempat mengundi, Pegawai Pendaftar
dan Pegawai Penyemak. Penyelia juga bertanggungjawab melengkap
dan menjaga daerah mengundi dan membuat perakuan supaya diubah jika
kawasan-kawasan ini tidak sesuai lagi.²⁶

²⁵ Berdasarkan temuduga yang dibuat di Ibu Pejabat Suruhanjaya
Pilihanraya, Kuala Lumpur, pada 1hb April 1976.

²⁶ Peranan, Susunan dan Pengawalan Suruhanjaya Pilihanraya, m.s. 2,
lihat Seksyen 4(1), Akta Pilihanraya 1958.

Timbalan Penyelia Pilihanraya pula bertanggungjawab untuk membantu penyelia pilihanraya untuk memastikan kemajuan operational pilihanraya, pendaftaran dan kajian semula kawasan pilihanraya dan lain-lain tugas lagi.²⁷

Beginilah bentuk organisasi Suruhanjaya Pilihanraya secara amnya. Bentuk organisasi yang serupa ini adalah untuk menjamin kejayaan atau kelicinan tugas Suruhanjaya disemua peringkat. Bentuk organisasi yang teratur boleh melicinkan tugas. Ini seterusnya boleh memudahkan perjalanan sistem pilihanraya yang ada.

Kuasa, Peranan dan Tugas Suruhanjaya

Kuasa, peranan dan tugas Suruhanjaya Pilihanraya ada disebutkan dalam Perlembagaan Perserikatan dan Akta Pilihanraya, 1958.

Antara kuasa-kuasa Suruhanjaya seperti yang disebut dalam Seksyen 5, Akta Pilihanraya 1958 (disemak 1970) ialah:

- a) menjalankan kawalan dan penyeliaan tentang perjalanan pentadbiran pilihanraya dan pendaftaran pemilih-pemilih di atas senarai pemilih;
- b) mempunyai kuasa mengarahkan pegawai-pegawai pilihanraya untuk menentukan berkesannya peruntukan bahagian Lapan Perlembagaan diikuti;

²⁷ Ibid., m.s. 119, lihat Seksyen 4(2), Akta Pilihanraya, 1958.

- e) mempunyai kuasa menadbirkan sebarang 'sumpah' yang diperlukan dibuat di bawah Akta ini;
- d) untuk menjalankan dan membuat lain-lain kuasa dan kewajipan yang diberikan kepadanya oleh Akta ini dan lain-lain peraturan yang dibuat di bawahnya.

Peranan dan tugas Suruhanjaya pilihanraya ada disebutkan dalam Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan. Antaranya ialah:

- a) menjalankan pilihanraya bagi Dewan Rakyat dan Dewan Negeri;
- b) menyediakan dan menyemak daftar-daftar pemilih untuk pilihanraya itu tertakluk kepada undang-undang Persekutuan;
- c) mengulangkaji pembahagian bahagian-bahagian pilihanraya bagi Persekutuan dan negeri-negeri pada lat tempuh tidak lebih daripada sepuluh tahun dan tidak kurang daripada lapan tahun serta mengesyorkan apa-apa perubahan yang difikirkan perlu tentang pembahagian ini;
- d) menjalankan apa-apa pilihanraya yang lain daripada pilihanraya yang dinyatakan.

Peruntukan-peruntukan ini jelas menunjukkan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya mempunyai peranan yang penting dalam mengelolakan sesuatu pilihanraya. Ia mempunyai berbagai-bagai peranan yang menyentuh aspek-aspek berhubung dengan pilihanraya.

Untuk menjalankan peranan-peranannya ini, Suruhanjaya Pilihanraya diberikan beberapa kuasa tertentu bagi memudahkannya menjalankan tanggungjawabnya.

Kejayaan sistem pilihanraya ini kadang-kadang pun bergantung pada kelicinan Suruhanjaya memainkan atau menjalankan peranan-peranannya.

Perlaksanaan Tugas Suruhanjaya

Dalam melaksanakan tugasnya, Suruhanjaya pilihanraya mengerakan seluruh organisasinya. Selain daripada itu ia juga mendapat bantuan dari badan-badan lain.

Salah satu tugas atau peranan Suruhanjaya ialah untuk menjalankan sesuatu pilihanraya. Ramai pegawai-pegawai pilihanraya daripada berbagai-bagai peringkat yang terlibat. Perlaksanaan tugas ini dijalankan menurut struktur organisasi Suruhanjaya sendiri.

Di peringkat atasnya ialah Setiausaha dan penyelia-penyelia Pilihanraya negeri yang bertugas sepenuh masa. Di bawah mereka terdapat pegawai-pegawai lain. Antaranya ialah Pegawai Pengurus yang dibantu oleh Penolong Pegawai Pengurus, Ketua Tempat Mengundi, dan Kerani mengundi. Salah satu tugas Ketua Tempat Mengundi ialah menyiapkan tempat mengundi supaya pengundian berjalan dengan lancar. Kerani Pengundian pula bertanggungjawab mengenal pengundi, memanggil nama dan nombor pemilihnya. Kerani mengira undi, bertugas mengira undi.²⁸

²⁸(Suruhanjaya Pilihanraya), Panduan Khas Pendaftaran dan Pilihanraya, m.s. 18.

Suruhanjaya juga memainkan peranan dalam kerja pendaftaran pemilih dan penyemak daftar pemilih. Disini Suruhanjaya Pilihanraya sendiri adalah sebagai pihak yang menentukan dasar-dasar berhubung dengan pendaftaran pemilih dan penyemakan daftar pemilih. Tugasnya menetapkan tarikh kelayakan, tarikh pendaftaran dan lain-lain, selepas itu ada Ketua Pegawai Pendaftaran yang bertanggungjawab melaksanakan pendaftaran pengundi dan penyemakan daftar pengundi. Ia dibantu oleh Timbalan Ketua Pegawai Pendaftaran. Di bawahnya terdapat Pegawai Pendaftaran yang diadakan di tiap-tiap satu bahagian pilihanraya Parlimen yang menjadi satu kawasan pendaftaran. Ia dibantu oleh Penolong Pegawai Pendaftaran.

Selain daripada itu, Suruhanjaya Pilihanraya juga melantik Pegawai Penyemak yang bertugas menimbangkan apa-apa rayuan berhubung dengan pendaftaran pemilih. Keputusannya adalah muktamad.

Dalam melaksanakan tugasnya mempersempadankan bahagian-bahagian pilihanraya pula, Suruhanjaya terpaksa terlebih dahulu memastikan bilangan bahagian-bahagian pilihanraya. Untuk menjalankan tugas ini, ia boleh mendapat nasihat daripada Ketua Pengarah Ukur Malaysia dan Ketua Perangkawan Malaysia.²⁹ Persempadanan ini di buat menurut peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan. Kemudian Suruhanjaya akan menyiapkan syor-syor nya. Syor-syor ini akan di siarkan dalam Warta dan Akhbar. Salinan syor-syor ini terbuka untuk

²⁹ Ibid., m.s. 12.

diperiksa dan rayuan mengonainya dipelawa. Rayuan-rayuan yang berkenaan adalah dipertimbangkan oleh Suruhanjaya.³⁰

Setelah selesai segalanya, Suruhanjaya akan menghantar laporan mengenai bahagian-bahagian pilihanraya kepada Perdana Menteri. Perdana Menteri pula akan membentangkan laporan itu di Dewan Rakyat. Jika diluluskan akan dikemukakan pula kepada Yang Di Pertuan Agung. Selepas itu Yang Di Pertuan Agung akan membuat satu perintah dan berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang ditetapkan.

Dengan ini jelaslah beberapa peranan yang dimainkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya dalam sistem pilihanraya di Malaysia. Cara peranan ini dijalankan adalah melalui proses yang tertentu. Ini untuk memastikan sistem pilihanraya itu berjalan dengan lancar.

Kebebasan Suruhanjaya Pilihanraya

Untuk diadakan satu sistem pilihanraya yang bersih dan bebas, perlulah pilihanraya itu dianjurkan oleh satu badan yang jujur dan boleh dipercayai oleh rakyat.³¹ Sesuatu Badan Pilihanraya yang bersih ialah badan yang benar-benar bebas. Ia hendaklah bebas daripada campurtangan mana-mana pihak. Ada pendapat yang menyatakan, untuk

³⁰ Ibid., m.s. 12.

³¹ Tan Sri Mohd. Salleh Abbas, Prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan di Malaysia, D.B.P., 1968, m.s. 156.

menjamin satu sistem pilihanraya yang bebas, pentadbiran pilihanraya hendaklah bebas daripada badan-badan lain seperti Pentadbiran Awam, Majlis Perwakilan dan lain-lain.³² Pilihanraya yang benar-benar bebas tidak akan dapat dijalankan jika badan yang mengelolaknya tidak sebenar-benarnya bebas. Kerajaan sendiri hendaklah jangan campurtangan dalam Badan yang mengelolakan pilihanraya ini.

Disini timbul persoalan, sejauhmana Suruhanjaya Pilihanraya di Malaysia dapat dikatakan bebas?

Memang tidak dapat dinafikan bahawa ada beberapa contoh yang menunjukkan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya di Malaysia adalah bebas.

Antaranya ialah perlantikan ahli Suruhanjaya sendiri adalah ditangan Yang Di Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-raja.³³ Dalam membuat perlantikan ini, Yang Di Pertuan agong perlulah memihakatkan bahawa Suruhanjaya itu dipercayai oleh umum.³⁴

Ahli-ahli Suruhanjaya juga tidak boleh dipecat kecuali dengan alasan yang sama dengan seorang Hakim Mahkamah Persekutuan.³⁵ Ini semua adalah untuk menjamin bahawa keanggotaan Suruhanjaya adalah

³² Mackenzie, Op. cit., No.12 (1967), m.s. 100.

³³ Perlembagaan Persekutuan, Perkara 114(1).

³⁴ Tun Suffian Hashim, An Introduction to the Constitution of Malaysia, Pencetak Kerajaan, Kuala Lumpur, 1972, m.s. 67; Perlembagaan Persekutuan, Perkara 114.

³⁵ Perlembagaan Persekutuan; Perkara 114(3).

tidak dipengaruhi pihak kerajaan. Ini juga untuk menjamin supaya Suruhanjaya berani dalam proses membuat keputusan dan mengambil tindakan tanpa mengira pihak itu daripada pihak kerajaan atau pihak lawan.

Untuk memastikan Suruhanjaya Pilihanraya tidak ditekan oleh mana-mana pihak, gaji ahli-ahlinya adalah dibayar daripada Kumpulan Wang Disatukan.³⁶ Dengan ini, Parlimen tidak boleh mempergaruhnya dengan cara mengurangkan peruntukan kewangan bagi gaji ahli-ahli sekiranya Suruhanjaya Pilihanraya tidak tunduk kepada kemahuan mereka.

Dalam menjalankan tugas atas peranan yang dibebankan kepadanya, Suruhanjaya adalah bebas. Cadangan-cadangan daripada pihak-pihak mungkin dipertimbangkan, tetapi ia tidak tertakluk untuk menerimanya.

Untuk menjamin kebebasannya, Suruhanjaya Pilihanraya diberikan kuasa-kuasa tertentu supaya ia mudah menjalankan tugasnya. Ia juga diberikan beberapa keistimewaan dan perlindungan (seperti yang disebut dalam peruntukan-peruntukan dalam Akta Suruhanjaya Pilihanraya, 1957 (disamak 1970)).

Perkara-perkara yang telah disebutkan menunjukkan adanya jaminan atau tendency supaya Suruhanjaya Pilihanraya itu bebas, tidak

³⁶ Ibid., Perkara 114(5).

dikongkong oleh mana-mana pihak.

Walaubagaimana pun ada beberapa keadaan yang menunjukkan ada masanya pihak Suruhanjaya tidak bebas-bebasnya dalam menjalankan tugasnya. Umpamanya dalam tugas mempersempadankan bahagian-bahagian pilihannya. Sekarang Suruhanjaya hanya mampu untuk menyediakan syor-syor mengenai hal ini. Syor-syor ini pula terpaksa dibuat menurut perinsip seperti yang ditetapkan oleh Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan. Ini menunjukkan dalam hal ini, Suruhanjaya tidak mempunyai kebebasan dalam mengemukakan pandangannya dengan seluas-luasnya. Ia terpaksa patuh atau mengikut perinsip-perinsip yang telah ditetapkan.

Suatu Suruhanjaya yang bebas ialah jika ianya bebas dalam menyuarakan pandangan seluas-luasnya, tanpa terikat dengan sesuatu.

Syor-syor itu pula terpaksa diserahkan kepada Perdana Menteri yang kemudiannya akan membentangkannya di Dewan Rakyat.³⁷

Kemudian untuk meluluskan syor itu perlukan undi tidak kurang daripada setengah daripada jumlah bilangan ahli Dewan Rakyat. Ada kemungkinan bahawa Dewan Rakyat tidak meluluskan syor itu. Jika usul untuk meluluskan sesuatu deraf itu ditolak oleh Dewan Rakyat atau ditarik balik, atau tidak disokong dengan undi sebanyak

³⁷ Ibid., Jadual Ketigabelas, Bahagian 2, Coraian 10.

tidak kurang daripada setengah daripada jumlah bilangan ahli Dewan itu, maka Perdana Menteri, boleh selepas mengadakan rundingan dengan Suruhanjaya Pilihanraya meminda deraf itu, selepas itu syor (deraf) itu akan dibentangkan lagi di Dewan Rakyat untuk mendapatkan kelulusan. Jika diluluskan baharulah syor (deraf) itu dikemukakan kepada Yang Di Pertuan Agong.³⁸ Ini menunjukkan bahawa syor itu bergantung kepada kelulusan Dewan Rakyat. Dewan Rakyat berhak menolaknya jika ia tidak menyetujuinya. Ini boleh mengakibatkan syor (deraf) itu dipinda.

Ini menunjukkan dalam hal persempadanan ini, peranan Suruhanjaya tidak lebih daripada memberikan syor sahaja. Suruhanjaya tidak mempunyai kebebasan dalam hal ini. Untuk syor itu dilaksanakan, syor itu terpaksa dibuat atau dipinda sesuai dengan kehendak Dewan Rakyat. Dewan Rakyatlah yang sebenarnya menentukan sama ada syor itu dipraktikan.

Walaupun dalam beberapa bidang Suruhanjaya Pilihanraya kelihatan tidak begitu bebas, namun Suruhanjaya memainkan peranan yang penting untuk keseluruhan perjalanan sistem pilihanraya di Malaysia. Sedikit sebanyak, kejayaan sistem pilihanraya yang diamalkan di Malaysia ini adalah bergantung pada kecekapan Suruhanjaya.

³⁸ Ibid., Coraian 11.